



Ruj.Kami : Prk.ML. 34 40-2 JDA (3)
Tarikh : 28 November 2012

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.H. Dato'/Tuan/Puan,

DASAR PELESENAN MENGENAI TEMPOH KELULUSAN BAGI GANTI ENJIN VESEL (PEKELILING CAWANGAN PELESENAN – NOVEMBER 1/2012)

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama dengan ini disertakan Pekeliling Cawangan Pelesenan - November 1/2012 mengenai syarat-syarat baru pelesenan bagi tempoh kelulusan ganti enjin vesel.

3. Selaras dengan itu, Dato'/Tuan/Puan diminta untuk membuat makluman dan hebahan kepada setiap pihak berkepentingan mengenai syarat-syarat baru ini yang akan dilaksanakan sepenuhnya **SERTA MERTA** dari tarikh surat ini dikeluarkan.

4. Kerjasama dan tindakan oleh Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(HJ. JOHARI BIN RAMLI)

Pengarah Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber
b.p Ketua Pengarah Perikanan Malaysia
Ibu Pejabat Perikanan
PUTRAJAYA

Az/GantiEnjinVesel

SENARAI EDARAN

Pengarah
Pejabat Perikanan Laut Sarawak
SARAWAK

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Selangor
SELANGOR

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Perak
PERAK

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Kelantan
KELANTAN

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Terengganu
TERENGGANU

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Kedah
KEDAH

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Pahang
PAHANG

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Johor
JOHOR

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang
PULAU PINANG

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Perlis
PERLIS

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Melaka
MELAKA

PEKELILING DASAR DAN PROSEDUR PELESENAN JABATAN PERIKANAN (PEKELILING CAWANGAN PELESENAN – NOVEMBER 1/2012)

1.0 TUJUAN PEKELILING

Pekeliling Cawangan Pelesenan ini bertujuan memaklumkan syarat-syarat baru ke atas dasar dan prosedur pelesenan sedia ada untuk pelaksanaan. Syarat-syarat baru yang dimaksudkan ialah berkaitan tempoh kelulusan bagi ganti enjin vesel.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1. Sejak Dasar Pelesenan Baru diperkenalkan pada tahun 1982, Jabatan sentiasa menambah baik dasar dan prosedur pelesenan selari dengan perkembangan industri.
- 2.2. Pengemaskinian dasar dan prosedur pelesenan ini perlu bagi memastikan sumber perikanan terus mapan dan seterusnya menjadi salah satu nadi penggerak ekonomi Negara.
- 2.3. Pemantapan syarat-syarat di dalam buku dasar dan prosedur pelesenan Jabatan juga menjadi salah satu agenda utama dalam membantu menangani atau mengurangkan aduan dan isu-isu berkaitan perikanan terutamanya dengan wujudnya pelbagai modifikasi peralatan menangkap ikan yang kian mencabar industri dan kewibawaan kakitangan Jabatan.

3.0 TUJUAN PELAKSANAAN

- 3.1 Menangani aduan dan bantahan dikemukakan oleh nelayan-nelayan yang menjadi mangsa.
- 3.2 Memastikan kelestarian sumber perikanan terus terpelihara sehingga generasi akan datang.

- 3.3 Memperkemas lagi syarat-syarat di dalam buku dasar dan prosedur pelesenan Jabatan bagi menjadikannya sebagai salah satu kaedah pengawalan salahlaku di laut dengan secara tidak langsung.

4.0 DASAR BARU

4.1 Tempoh kelulusan bagi ganti enjin vesel adalah seperti berikut:

- i. Tempoh masa bagi menyiapkan ganti enjin vesel ditetapkan enam (6) bulan daripada tarikh surat kelulusan dan pelanjutan tempoh yang dibenarkan adalah tiga (3) bulan sahaja.
- ii. Sekiranya enjin vesel tidak dapat diganti di dalam tempoh tersebut, maka kelulusan akan **TERBATAL** dengan sendirinya.
- iii. Kelulusan pelanjutan tempoh ganti enjin oleh PPN.

5.0 Pekeliling ini berkuatkuasa dengan **SERTA MERTA**.